

02 AUG 1999

Najib-PM

KEBIMBANGAN DR MAHATHIR HARUS DILIHAT SECARA POSITIF

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Pelajar Melayu harus menilai secara positif kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai jurang pencapaian akademik mereka dengan pelajar bukan Melayu, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Perdana Menteri tidak bertujuan menghina pelajar Melayu. Beliau sekadar meminta mereka memberi lebih perhatian kepada pelajaran kerana beliau tidak mahu mereka ketinggalan," kata Najib kepada pemberita hari ini.

Pada 20 Julai lepas, Dr Mahathir terpaksa memendekkan ucapannya pada satu majlis di Alor Setar kerana sebak ketika melahirkan rasa sedih beliau terhadap jurang pencapaian antara pelajar Melayu dan bukan Melayu.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri berkata pelajar Melayu nampaknya lebih memikirkan tentang tunjuk perasaan manakala pelajar bukan Melayu amat mementingkan ilmu.

Perdana Menteri juga meminta guru berusaha mendekatkan jurang itu kerana jika ia dibiarkan lebih renggang, ia akan menimbulkan masalah kepada politik negara.

Najib berkata pelajar Melayu tidak seharusnya salah ertikan mesej perdana menteri itu.

Sebaliknya, mereka perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana pasaran buruh kini semakin kompetitif.

Persaingan itu bukan hanya didasarkan kepada sarjana yang diperolehi oleh pelajar tetapi juga kepada kemampuan mereka berfikir secara kreatif, katanya.

Najib juga menasihatkan pelajar supaya tidak hanya bergantung kepada buku dan guru serta paradigma lama semata-mata tetapi mengikuti pengajian tinggi mereka secara pembelajaran maya.

"Perbezaannya hanya cara mereka belajar, bukan kandungan pelajaran kerana mereka boleh gunakan Internet, CD-ROM, e-mel dan komponen lain dalam multimedia," katanya.

--BERNAMA

NHA AU MAI